



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### PERANGKAAAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN, MALAYSIA, 2024

**BILANGAN PERKAHWINAN MENURUN 12.5 PERATUS DENGAN TIGA NEGERI MENCATATKAN PENURUNAN TERTINGGI IAITU KELANTAN (-17.7%), SELANGOR (-12.4%) DAN JOHOR (-8.0%)**

**PUTRAJAYA, 21 NOVEMBER 2024** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan penerbitan **Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2024** yang membentangkan statistik perkahwinan dan perceraian bagi tahun 2022 dan 2023 mengikut ciri-ciri demografi di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran. Statistik ini merupakan input penting kepada perancangan dasar sosial bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia dan sebagai sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik.

Dalam satu kenyataan hari ini, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Bilangan perkahwinan yang direkodkan pada 2023 adalah 188,100, menurun 12.5 peratus daripada 215,022 pada 2022. Oleh itu, Kadar Perkahwinan Kasar (CMR) menurun daripada 6.6 (2022) kepada 5.7 (2023) bagi setiap seribu penduduk. Statistik perkahwinan orang Islam menyumbang sebanyak 74.5 peratus daripada keseluruhan perkahwinan. Penurunan bilangan perkahwinan ini disumbangkan oleh penurunan 16.8 peratus bilangan perkahwinan Orang Islam pada 2023 (140,176) berbanding 2022 (168,467). Tiga negeri yang menunjukkan penurunan tertinggi perkahwinan Orang Islam adalah Selangor (5,674 : 17.4%), diikuti Kelantan (3,595 : 17.7%) dan Johor (3,249 : 15.8%).

Sebaliknya, bilangan perkahwinan Orang Bukan Islam merekodkan peningkatan 2.9 peratus daripada 46,555 (2022) kepada 47,924 (2023). Tiga negeri yang menunjukkan peningkatan perkahwinan Orang Bukan Islam adalah Johor (1,154 : 20.1%), Sarawak (920 : 10.6%) dan W.P. Kuala Lumpur (287 : 8.2%)”.

Laporan ini turut membentangkan keseluruhan kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki yang menurun daripada 45.4 (2022) kepada 38.2 (2023) bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Trend yang sama bagi pengantin perempuan yang merekodkan penurunan daripada 47.2 (2022) kepada 40.5 (2023) bagi setiap seribu penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Selari dengan penurunan keseluruhan bilangan perkahwinan, kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki Islam juga menurun daripada 57.2 (2022) kepada 45.8 (2023) manakala kadar perkahwinan am bagi pengantin perempuan Islam menurun kepada 48.3 (2023) berbanding 59.0 (2022). Bagi Orang Bukan Islam, kadar perkahwinan am pengantin lelaki meningkat daripada 27.3 (2022) kepada 27.5 (2023). Namun demikian, pengantin perempuan Bukan Islam menunjukkan penurunan daripada 26.0 (2022) kepada 25.8 (2023).

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut mengulas, “Pada tahun 2023, 6.2 peratus daripada jumlah perkahwinan adalah perkahwinan di antara pengantin lelaki dan perempuan yang berbeza kumpulan etnik. Bilangan perkahwinan antara etnik meningkat 28.0 peratus daripada 14,028 (2022) kepada 17,956. Komposisi perkahwinan antara etnik bagi Orang Islam adalah 48.8 peratus manakala Orang Bukan Islam 51.6 peratus”.

Beliau menambah, umur penengah pengantin lelaki dan pengantin perempuan masing-masing kekal pada umur 28 tahun dan 26 tahun. Perkahwinan tertinggi juga direkodkan pada kumpulan umur 25-29 tahun bagi kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan. Statistik juga menunjukkan umur pengantin lelaki dan pengantin perempuan paling tua direkodkan pada tahun 2023 masing-masing berumur 91 tahun dan 86 tahun. Sementara itu, 0.1 peratus pengantin lelaki berumur 65 tahun dan lebih telah mengahwini pengantin perempuan yang lebih muda dalam kumpulan umur 24 tahun dan ke bawah.

Daerah Petaling, Selangor mencatatkan bilangan perkahwinan tertinggi bagi Orang Islam dan Orang Bukan Islam pada 2023. Bilangan perkahwinan Orang Islam di Petaling, Selangor adalah 7,718 diikuti Johor Bahru, Johor (6,773) dan Ulu Langat, Selangor (5,288). Bagi Orang Bukan Islam, daerah Petaling, Selangor turut mencatatkan bilangan perkahwinan tertinggi dengan 3,515 diikuti Johor Bahru, Johor (3,704) dan Klang, Selangor (2,301).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, "Bilangan perceraian menurun 8.7 peratus daripada 63,338 (2022) kepada 57,835 (2023). Justeru itu, Kadar Perceraian Kasar (CDR) semakin baik daripada 1.9 (2022) kepada 1.8 (2023) bagi setiap seribu penduduk. Bilangan perceraian Orang Islam mencatatkan penurunan 3.9 peratus pada 2023 (44,322) berbanding 2022 (46,138). Tiga negeri yang mencatatkan penurunan tertinggi bilangan perceraian Orang Islam iaitu Kelantan (1,250 : 28.7%), Johor (790 : 13.0%) dan Sabah (756 : 19.5%). Sementara itu, perceraian Orang Bukan Islam turut menurun 21.4 peratus daripada 17,200 (2022) kepada 13,513 (2023). Tiga negeri yang mencatatkan penurunan tertinggi bilangan perceraian Orang Bukan Islam iaitu Selangor (832 : 22.9%) diikuti Johor (754 : 26.4%) dan Sarawak (512 : 22.9%). Perceraian tertinggi adalah pada kumpulan umur 30-34 tahun bagi lelaki dan perempuan."

Selari dengan penurunan bilangan perceraian, kadar perceraian am juga menunjukkan penurunan bagi lelaki daripada 8.9 (2022) kepada 8.0 (2023) bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin. Trend yang sama juga direkodkan bagi perempuan, menurun daripada 8.8 (2022) kepada 7.8 (2023) bagi setiap seribu penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin. Kadar perceraian am bagi lelaki dan perempuan Islam masing-masing menurun kepada 9.7 (2023) dan 9.9 (2023) berbanding 10.4 (2022) dan 10.6 (2022). Bagi Orang Bukan Islam, kadar perceraian am lelaki juga menurun daripada 6.2 (2022) kepada 4.7 (2023) manakala perempuan turut menurun daripada 6.3 (2022) kepada 4.8 (2023).


**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 21 November 2024**

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 21 November 2024


**Carta 1 : Bilangan perkahwinan dan Kadar Perkahwinan Kasar (CMR), Malaysia, 2016-2023**




**Carta 2 (a): Kadar Perkahwinan Am (GMR), Malaysia, 2016-2023**




**Carta 2 (b): Kadar Perkahwinan Am (GMR) Orang Islam, Malaysia, 2016-2023**




**Carta 2 (c): Kadar Perkahwinan Am (GMR) Orang Bukan Islam, Malaysia, 2016-2023**




**Carta 3 (a): Bilangan perceraian, Malaysia, 2016-2023**




**Carta 3 (b): Kadar Perceraian Kasar (CDR), Malaysia, 2016-2023**



Carta 4 (a): Kadar Perceraian Am (GDR), Malaysia, 2016-2023




Carta 4 (b): Kadar Perceraian Am (GDR) Orang Islam, Malaysia, 2016-2023





**Carta 4 (c): Kadar Perceraian Am (GDR) Orang Bukan Islam, Malaysia, 2016-2023**



**Jadual 1: Bilangan perkahwinan dan Kadar Perkahwinan Kasar (CMR) mengikut negara terpilih, 2022 dan 2023**

Negara	2022		2023	
	Bilangan perkahwinan	CMR	Bilangan perkahwinan	CMR
Malaysia	215,022	6.6	188,100	5.7
Singapore	29,329	6.7	28,310	6.4
Turkiye	574,358	6.6	565,435	6.6
Egypt	929,430	9.0	961,220	9.1
South Korea	191,690	3.7	193,657	3.8

Nota: Kadar adalah setiap 1,000 penduduk

Sumber: *National Statistical Offices*

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
21 NOVEMBER 2024**

## **MEDIA STATEMENT**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

### **MARRIAGE AND DIVORCE STATISTICS, MALAYSIA, 2024**

**THE NUMBER OF MARRIAGES DECLINED BY 12.5 PER CENT WITH THREE STATES RECORDED THE HIGHER DECREASED WERE KELANTAN (-17.7%), SELANGOR (-12.4%) AND JOHOR (-8.0%)**

**PUTRAJAYA, NOVEMBER 21, 2024** – Department of Statistics, Malaysia (DOSM) has released the report on **Marriage and Divorce Statistics, Malaysia, 2024** which presents the statistics on marriage and divorce for 2022 and 2023 by demographic characteristics at national, state and administrative district. Statistics on marriage and divorce are important input used for the formulation of social policies to strengthen the family institutions in Malaysia and source of reference for researchers and academia.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The number of marriages was 188,100 in 2023, a decrease of 12.5 per cent as compared to 215,022 in 2022. Thus, Crude Marriage Rate (CMR) decrease from 6.6 (2022) to 5.7 (2023) per thousand population. Statistics of Muslim marriages contributes 74.5 per cent of total marriages in 2023. The decrease in the number of marriages was contributed by a decrease of 16.8 per cent in the number of Muslim marriages in 2023 (140,176) as compared to 2022 (168,467). Three states that registered a higher decrease of Muslim marriages were Selangor (5,674 : 17.4%), followed by

Kelantan (3,595 : 17.7%) and Johor (3,249 : 15.8%). Meanwhile, the number of Non-Muslim marriages increased at 2.9 per cent from 46,555 (2022) to 47,924 (2023). Three states recorded the higher increase of Non-Muslim marriages were Johor (1,154:20.1%), Sarawak (920:10.6%) and W.P. Kuala Lumpur (287:8.2%)”.

This report also shows that overall general marriage rate for grooms decreased from 45.4 (2022) to 38.2 (2023) per thousand population of unmarried males aged 18 years and over. A similar trend was also recorded for brides, which decreased from 47.2 (2022) to 40.5 (2023) per thousand population of unmarried females aged 16 years and over. In tandem with the decreased in the overall number of marriages, general marriage rate for Muslim grooms also decreased from 57.2 (2022) to 45.8 (2023) while Muslim brides decreased from 59.0 (2022) to 48.3 (2023). Meanwhile, the general marriage rate for Non-Muslim grooms increased from 27.3 (2022) to 27.5 (2023). Meanwhile, the general marriage rate for Non-Muslim brides decreased from 26.0 (2022) to 25.8 (2023).

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "In 2023, 6.2 per cent of total marriages were between grooms and brides of different ethnic groups. The number of inter-ethnic marriages increased 28.0 per cent from 14,028 (2022) to 17,956. The composition of inter-ethnic marriages among Muslim was 48.8 per cent and 51.6 per cent for Non-Muslim”.

He added the median age for grooms and brides remained at aged 28.0 years and 26.0 years, respectively. The highest number of marriages falls under the age group 25-29 years for both grooms and brides. The statistics also showed that the oldest groom and bride in 2023 were 91.0 and 86.0 years old, respectively. On the other hand, 0.1 per cent grooms aged 65 years and over married younger brides aged 24 years and below.

Petaling district, Selangor recorded the highest number of marriages in 2023 for both Muslim and Non-Muslim. The number of Muslim marriages for Petaling, Selangor was 7,718 followed by Johor Bahru, Johor (6,773) and Ulu Langat, Selangor (5,288). Similarly, for Non-Muslim, the district of Petaling, Selangor recorded 3,515 marriages followed by Johor Bahru, Johor (3,704) and Klang, Selangor (2,301).


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said "The number of divorces decreased 8.7 per cent from 63,338 (2022) to 57,835 (2023). Thus, Crude Divorces Rate (CDR) improve from 1.9 (2022) to 1.8 (2023) per thousand population. The number of Muslim divorces decreased by 3.9 per cent in 2023 (44,322) as compared to 2022 (46,138). Three states recorded higher decrease for Muslim divorces were Kelantan (1,250 : 28.7%), Johor (790 : 13.0%), and Sabah (765 : 19.5%). Similarly, Non-Muslim divorces also decreased 21.4 per cent from 17,200 (2022) to 13,513 (2023). Three states recorded a higher of increase of Non-Muslim divorces were Selangor (832 : 22.9%) followed by Johor (754 : 26.4%) and Sarawak (512 : 22.9%). The highest number of divorces falls under the age group 30-34 years for males and females".

Alongside with the decrease in the number of divorces, the general divorce rate for males decreased from 8.9 (2022) to 8.0 (2023) per thousand population of married males aged 18 years and over. A similar trend was also observed for females, decreased from 8.8 (2022) to 7.8 (2023) per thousand population of married females aged 16 years and over. The general divorce rate for Muslim males and females decreased to 9.7 (2023) and 9.9 (2023) from 10.4 (2022) and 10.6 (2022), respectively. For Non-Muslim, the general divorce rate for males also decreased from 6.2 (2022) to 4.7 (2023) while females decreased from 6.3 (2022) to 4.8 (2023).


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on 20<sup>th</sup> October. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.


**Chart 1: Number of marriages and Crude Marriage Rate (CMR), Malaysia, 2016-2023**




**Chart 2 (a): General Marriage Rate (GMR), Malaysia, 2016-2023**




**Chart 2 (b): General Marriage Rate (GMR) Muslim, Malaysia, 2016-2023**




**Chart 2 (c): General Marriage Rate (GMR) Non-Muslim, Malaysia, 2016-2023**




**Chart 3(a): Number of divorces, Malaysia, 2016-2023**




**Chart 3(b): Crude Divorce Rate (CDR), Malaysia, 2016-2023**



**Chart 4(a): General Divorce Rate (GDR), Malaysia, 2016-2023**




**Chart 4(b): General Divorce Rate (GDR) Muslim, Malaysia, 2016-2023**





**Chart 4(b): General Divorce Rate (GDR) Non-Muslim, Malaysia, 2016-2023**



**Table 1: Number of marriages and Crude Marriage Rate (CMR) for selected country, 2022 and 2023**

Country	2022		2023	
	Number of marriages	CMR	Number of marriages	CMR
Malaysia	215,022	6.6	188,100	5.7
Singapore	29,329	6.7	28,310	6.4
Turkiye	574,358	6.6	565,435	6.6
Egypt	929,430	9.0	961,220	9.1
South Korea	191,690	3.7	193,657	3.8

Note: The rates are per 1,000 population

Source: National Statistical Offices

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
21<sup>st</sup> NOVEMBER 2024**